

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

## Pembangunan sistem Padu kini capai 60 peratus - Rafizi

### Pembangunan sistem Padu kini capai 60 peratus – Rafizi

**PUTRAJAYA** - Proses pembangunan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang dijadual digunakan bermula Januari 2024 bagi memastikan penyaluran subsidi dibuat secara adil kepada rakyat kini telah mencapai 60 peratus.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, walaupun proses melengkapkan sistem itu dalam masa singkat agak mencabar namun pihaknya akan berusaha memastikan ia dapat disiapkan.

"Selepas kerajaan memutuskan menubuhkan Padu pada Mei lalu, kita mula membangunkan sistem ini pada Jun.

"Jadi dalam tempoh lebih kurang

dua bulan sahaja (kita capai tahap) 60 peratus sekarang. Saya boleh cakap (ia sebenarnya) mencabar untuk ia mula diguna Januari depan. Namun dalam tempoh tiga bulan ke depan kita akan pastikan ia dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri sesi libat urus pembangunan Padu bersama ketua setiausaha dan ketua pengarah kementerian dan agensi yang menjadi rakan strategik pembangunan sistem itu di sini pada Khamis.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju me-

nubuhkan Padu untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar di negara ini.

Mengulas lanjut, Rafizi menjelaskan, dalam membangunkan sistem berkenaan, pihaknya menetapkan jadual dan garis masa yang jelas iaitu ujian pertama Padu akan dilakukan pada November ini sebelum ia dibuka kepada orang ramai.

"Setakat ini segalanya berjalan seperti garis masa walaupun cabaran menggabungkan data 33 juta rakyat Malaysia dalam tempoh pendek adalah sesuatu yang sangat mencabar," ujarnya.

Tambah Rafizi, dengan adanya Padu dan maklumat tepat, ia membolehkan kerajaan merangka program berpandukan kepada data dan analisis.

"Ia akan membantu kerajaan menguji secara kuantitatif dan kualitatif bagi memastikan program dan peruntukan benar-benar berkesan," katanya.

Sementara itu, Rafizi menegaskan, sistem Padu itu yang dibangunkan dan dikendalikan sepenuhnya penjawat awam juga dilaksanakan supaya penjawat awam negara ini menjadi rujukan dunia dalam tempoh dua tiga tahun dari sekarang.